

Sistem kenal wajah 2023

Johor Bahru: Semua pintu masuk sempadan negara akan dilengkapi sistem imigresen berteknologi tinggi termasuk penggunaan sistem pengecaman wajah dan biometrik menjelang 2023.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, langkah itu penting bagi mengesan pergerakan keluar masuk warga asing di negara ini.

Katanya, sistem baharu itu juga mampu mengesan mereka yang disenarai hitam daripada memasuki semula negara ini.

Katanya, Sistem Imigresen Bersepadu Kebangsaan (NIISE) sedang dibangunkan kerajaan bagi menggantikan Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs).